



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - ISNIN, 7 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	MANGSA KEBAKARAN DI KAMPUNG TOK KANDANG TERIMA BANTUAN PELBAGAI PIHAK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mangsa-kebakaran-di-kampung-tok-kandang-terima-bantuan-pelbagai-pihak	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	YAPEIM ALLOCATES RM13.5 MLN TO IMPROVE HOUSING FOR ASNAF FAMILIES		POSITIF
	https://www.bernama.com/en/news.php//bfokus/politics/news.php?id=2441870	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	GURU WANITA MAUT DIPERCAYAI DIBUNUH ABANG BERMASALAH MENTAL		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1416566/guru-wanita-maut-dipercayai-dibunuh-abang-bermasalah-mental	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/06/wanita-dibunuh-abang-kandung-sakit-mental/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	WANITA BIAR ANAK 'MELEPAS' DALAM LRT DIKECAM		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/06/wanita-biar-anak-melepas-dalam-lrt-dikecam/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	ENAM BERANAK TERMASUK BAYI ENAM BULAN DILAPORKAN HILANG		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/enam-beranak-termasuk-bayi-enam-bulan-dilaporkan-hilang/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1416485/sua-mi-isteri-4-anak-termasuk-bayi-6-bulan-tak-balik-rumah-gagal-dikesan	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	LELAKI PAKISTAN DISYAKI LIWAT, CABUL KANAK-KANAK MASIH DALAM NEGARA		NEGATIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-pakistan-disyaki-liwat-cabul-kanakkanak-masih-dalam-negara-528188	ASTROAWANI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1237886/suspek-cekik-tumbuk-mangsa-jika-melawan-polis?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2442001	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1416518/warga-asing-liwat-kanak-kanak-lelaki	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737335/berita/semasa/kes-liwat-bersiri-lelaki-pakistan-guna-helah-ambil-barang-pesan-e-hailing	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/suspek-liwat-amang-seksual-perdaya-mangsa-dengan-helah-minta-bantuan/	BULETINTV3.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/suspek-pakistan-dikejar-kes-liwat-cabul-kanak-kanak-di-shah-alam-CD14421210	THESUN.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/06/pakistani-man-in-child-sex-abuse-case-still-in-country	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2441993	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	GURU LELAKI CABUL PELAJAR OKU DITAHAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1416432/guru-lelaki-cabul-pelajar-oku-ditahan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1237834/guru-lelaki-cabul-pelajar-perempuan-oku-selepas-merentas-desakononnya-mahu	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/guru-cabul-pelajar-oku-ditangkap-polis/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737273/berita/semasa/guru-ditahan-cabul-pelajar-oku	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://wartaoriental.com/2025/07/06/guru-cabul-pelajar-oku-ditangkap-polis/	WARTAORIENTAL.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/06/cikgu-urut-kaki-lepas-tu-dia-pegang/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-oku-dakwa-dicabul-guru-528164	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/cerita/berita/pelajar-oku-dakwa-dicabul-guru-di-rembau-EA14419793	THESUN.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/teacher-accused-of-molesting-disabled-student-in-rembau-school-LA14419460	THESUN.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/06/cops-nab-teacher-after-student-claims-she-was-molested	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/07/06/in-rembau-teacher-accused-of-molesting-16-year-old-student-with-disability/183033	MALAYMAIL.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2441994	BERNAMA.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/110178/teacher-nabbed-for-allegedly-molesting-oku-student	THEVIBES.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1240809/teacher-arrested-molesting-disabled-student	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/06/teacher-accused-of-molesting-16-year-old-student-with-disability	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2442015	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PEGAWAI POLIS DITAHAN DISYAKI TERBABIT KES ROGOL, MINTA SUAPAN DAN HABUAN SEKS		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/jenayah/pegawai-polis-ditahan-disyaki-terbabit-kes-rogol-minta-suapan-dan-habuan-seks/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1237838/inspektor-polis-ditahan-kes-rogol-minta-suapan-dan-habuan-seks?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737340/berita/semasa/pegawai-polis-direman-bantu-siasatan-rogol-dan-minta-habuan-seks	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1416439/inspektor-polis-ditahan-kes-rogol-minta-suapan-dan-habuan-seks	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/07/06/inspektorr-polis-disiasat-terlibat-kes-rogol-minta-suapan-seks	MSTAR.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=IR0aDKaJiO8	YOUTUBE	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/06/inspektor-disiasat-kes-rogol-minta-suapan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/110175/inspector-probed-for-rape-soliciting-bribes	THEVIBES.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1240803/inspector-arrested-rape-demanding-sexual-favours	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa kebakaran di Kampung Tok Kandang terima bantuan pelbagai pihak

Nasional - Dicipta: 06 Julai 2025 11:51 AM



UMNO Bahagian Kangar menyalurkan barangan keperluan harian seperti tilam, toto, bantal dan telekung kepada mangsa yang kini ditempatkan sementara di Dewan Orang Ramai Kampung Tok Kandang

KANGAR, 6 Julai– Enam sekeluarga yang terjejas dalam kebakaran sebuah rumah di Kampung Tok Kandang petang semalam, menerima bantuan dari pelbagai pihak, termasuk UMNO Bahagian Kangar.

UMNO Bahagian Kangar menyalurkan barangan keperluan harian seperti tilam, toto, bantal dan telekung kepada mangsa yang kini ditempatkan sementara di Dewan Orang Ramai Kampung Tok Kandang.

Ketua UMNO Bahagian Kangar, Datuk Dr Fathul Bari Mat Jahya, berkata pihaknya akan memastikan bantuan sewajarnya diberikan kepada mangsa yang terlibat dengan kejadian bencana yang berlaku.

“Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang melaksanakan penilaian lanjut bagi menyalurkan bantuan pemulihan yang bersesuaian dan kes dirujuk kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) untuk bantuan susulan”, katanya menerusi satu kenyataan.

Selain UMNO Bahagian Kangar, bantuan awal telah disalurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Persatuan Amal Bakti Perlis (PABPs) serta Pejabat DUN Sena.

Dalam kejadian yang berlaku kira-kira 4.30 petang semalam, rumah didiami Rasilah Isa bersama lima ahli keluarga lain musnah 60 peratus dalam kebakaran yang berlaku.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



YAPEIM Allocates RM13.5 Mln To Improve Housing For Asnaf Families

06/07/2025 05:33 PM



PASIR PUTEH, July 6 (Bernama) — Nearly 300 underprivileged families across Malaysia have benefited from improved housing through a RM13.5 million allocation by the Malaysian Islamic Economic Development Foundation (YAPEIM) from 2020 to May this year.

The funds, channelled through the Prime Minister's Department (Religious Affairs), have supported the construction and repair of 293 homes for *asnaf* (those eligible to receive zakat), as part of a national initiative to uplift living conditions for vulnerable groups.

Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar said the projects include 167 home repairs and 126 new builds, with 199 projects completed and 94 currently in progress.

"This initiative is made possible through generous public contributions to the YAPEIM Trust Fund, which are channelled directly to those in need," he said at the Sinar Lestari and Sinar Kasih Housing Programme handover ceremony in Kampung Merangkap here today.

The housing programme is implemented in collaboration with the Kelantan Federal Development Office (PPPNK) and the Implementation Coordination Unit (ICU) under the Prime Minister's Department. YAPEIM, established in 1976, is one of 14 agencies under the Religious Affairs portfolio.

At the event, four recipients under the eKasih Kelantan programme received newly built homes, each valued at RM80,000, totalling RM320,000.

Among them was Nor Liza Hassan, 51, who had waited 14 years for a home. She now provides full-time care for her husband, Mohd Ridzuan Nawi, 52, who has been bedridden since 2011 following a fall.

"This is truly a meaningful blessing. I've been applying for housing aid for over a decade," she said.

Nor Liza also supports their two children, aged 17 and 18, one of whom is still in school while the other is studying at Kelantan Matriculation College in Kok Lanas.

The family depends on monthly aid from the Social Welfare Department and the Social Security Organisation (PERKESO), as her husband previously worked as a school security guard.

To supplement their income, she sells herbal products online and works as a seasonal food vendor during Ramadan, with plans to open a small food stall when circumstances allow.

Also receiving assistance at the event was single mother Nik Shazrina Nik Mohd Zulkiflee, who was presented with a RM9,600 Sinar Kasih grant following the death of her husband in a road accident last year. The aid is intended to ease her burden following the loss of her family's sole breadwinner.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru wanita maut dipercayai dibunuh abang bermasalah mental

Oleh **Recqueal Raimi** - Julai 6, 2025 @ 11:45pm



TUARAN: Seorang guru wanita ditemui maut disyaki akibat dibunuh abang kandungnya yang dipercayai mengalami masalah mental, dalam sebuah rumah tidak bernombor di Tenghilan di sini, semalam.

Mangsa berusia 41 dijumpai terbaring dalam keadaan berlumuran darah di belakang rumah keluarganya.

Ketua Polis Daerah Tuaran, Superintendan Noraidin Ag Maidin, berkata bertindak atas maklumat diterima, pasukan Bahagian Siasatan Jenayah Komersial (BSJK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tuaran, menahan suspek warga tempatan berusia 47 tahun pada hari sama.

"Mangsa disahkan meninggal dunia selepas ditemui dengan kesan kecederaan pada bahagian leher, kepala dan kedua-dua mata dipercayai akibat serangan senjata tajam," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, suspek yang dipercayai mengalami masalah mental dikatakan pernah menjalani rawatan susulan di fasiliti kesihatan.

"Motif kejadian masih dalam siasatan, manakala bedah siasat ke atas mangsa dijalankan di Unit Forensik, Hospital Queen Elizabeth I, hari ini.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh, yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 40 tahun serta sebatan, jika sabit kesalahan," katanya.

Noraidin berkata, orang ramai dinasihatkan tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan, dan hubungi pihak IPD Tuaran melalui talian 088-794313 sekiranya mempunyai sebarang maklumat berkaitan kes itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita biar anak 'melepas' dalam LRT dikecam

Oleh KOSMO! 6 Julai 2025, 6:18 pm



Tangkap layar video tersebut yang tular di media sosial

PETALING JAYA – Tindakan seorang wanita membiarkan anaknya membuang air kecil di dalam gerabak Transit Aliran Ringan (LRT) mendapat kecaman orang ramai.

Menerusi sebuah video berdurasi 14 saat yang tular di Facebook, seorang bayi perempuan dilihat dibiarkan berkeliaran dan telah membuang air kecil di tengah-tengah gerabak tersebut.

Bagaimanapun, ibu bayi berkenaan yang sedang duduk bersama dua lagi anaknya dilihat tidak menghiraukan tindakan bayi tersebut.

“Harap RapidKL ambil tindakan ya, mak dia sibuk ‘call’ padahal nampak anak dia berkeliaran dan kencing,” tulis kapsyen pada video tersebut.

“Kenapalah pengotor sangat, habis nanti satu ‘train’ bau. Harap yang rakam ni bagitahu dekat petugas,” kata Rina.

“Pakaikanlah lampin kalau nak keluar tu, budak kecil tak reti nak tahan buang air. Mujur tak buang air besar,” kata NH.

“Tak ada tanggungjawab langsung nak lap pakai tisu ke apa,” kata Adiana.

Sehingga kini video tersebut telah meraih lebih 900,000 tontonan. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Enam beranak termasuk bayi enam bulan dilaporkan hilang



ENAM beranak yang dilaporkan hilang sejak semalam selepas pulang dari bermalam di Taman Aman, Alor Setar.

ALOR SETAR: Seorang wanita tidak menyangka pertemuan bersama abangnya sekeluarga pada malam Jumaat lalu menjadi detik terakhir mereka dilihat sebelum menghilang tanpa jejak keesokan harinya.

Kehilangan pasangan suami isteri dan empat anak mereka itu membingungkan keluarganya yang berusaha menjejaki mereka sejak semalam setelah tidak pulang ke rumah di Jerlun.

Nur Adliah Shuhada Ishak berkata, abangnya, Mohd. Azim Ezzat, 32, bermalam di rumahnya di Taman Aman di sini bersama isteri, Nurul Hidayah Khalijah Razman Effendy, 31, dan empat anak mereka yang berusia sembilan tahun hingga enam bulan.

"Mereka selalu datang bermalam di sini. Biasanya pagi-pagi mereka akan terus pulang ke Jerlun sebelum abang masuk kerja. Namun pagi itu, sekitar 5.30 pagi saya mendapati abang dan keluarganya sudah meninggalkan rumah kami.

"Awalnya, saya menganggap mereka pulang seperti biasa tetapi apabila mak mentua abang menelefon bertanya kenapa mereka belum pulang lagi ke rumah, saya jadi cemas," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Bercerita lanjut, katanya, anak sulung pasangan itu yang berusia 12 tahun tidak ikut serta dalam kunjungan kali ini kerana tinggal bersama neneknya.

"Saya cuba menelefon abang dan kakak ipar berkali-kali tetapi tidak ada jawapan. Pagi tadi ada orang telefon kata nampak kereta dalam Sungai Korok. Kami terus pergi. Tapi nombor platnya tak sama. Kami lega, tapi tetap risau," katanya.

Katanya, satu laporan polis dibuat di Balai Polis Jitra dan pencarian diteruskan di sepanjang laluan yang sering dilalui keluarga itu terutama berhampiran Sungai Korok.

Ujarnya, keluarga itu kali terakhir dilihat menaiki kereta Proton Saga berwarna kelabu dan sesiapa yang mempunyai maklumat boleh menghubungi Nur Adliah di talian 011-6440 8196 atau 011-6081 6922.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Superintenden Mohd Radzi Abdul Rahim mengesahkan pihaknya menerima laporan berkenaan dan siasatan lanjut sedang dijalankan. -UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki Pakistan disyaki liwat, cabul kanak-kanak masih dalam negara



Bernama

06/07/2025

21:00 MYT



Mohd Iqbal berkata pihaknya masih dalam tindakan untuk mengesan serta menangkap suspek yang berusia 25 tahun itu. - Gambar fail/Bernama

SHAH ALAM: Lelaki warga Pakistan yang disyaki meliwat dan mencabul tiga kanak-kanak serta seorang remaja lelaki di Seksyen 27 dan Seksyen 28 di sini dipercayai masih berada dalam negara.

Ketua Polis Daerah Shah Alam ACP Mohd Iqbal Ibrahim berkata pihaknya masih dalam tindakan untuk mengesan serta menangkap suspek yang berusia 25 tahun itu.

"Setakat ini jumlah mangsa untuk kes ini kekal empat orang. Mangsa-mangsa yang terlibat didapati lebih kepada kepada pelajar sekolah atau kanak-kanak.

"Hasil siasatan lanjut mendapati modus operandi yang dilakukan adalah suspek akan bertindak memanggil mangsa dan menyuruh mereka mengambil barang di satu-satu tempat sebelum memeluk dari belakang serta mencekik mangsa jika melawan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohd Iqbal berkata suspek juga meminta mangsa membantu membuat tempahan e-hailing atau bertanya sesuatu, dan apabila mangsa leka, suspek akan menumbuk serta menarik mangsa dan membawanya ke tempat yang dirasakan boleh melakukan perbuatan liwat itu.

Semalam, Mohd Iqbal berkata polis sedang memburu seorang lelaki Pakistan dengan alamat terakhir di Seksyen 27 di sini kerana disyaki meliwat dan mencabul mangsa berusia sembilan, 13, 14 dan 19 tahun, bermula April hingga kini.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Seksyen 377C Kanun Keseksaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru lelaki cabul pelajar OKU ditahan

Oleh **Ahmad Hasbi** - Julai 6, 2025 @ 4:07pm



Foto hiasan.

REMBAU: Seorang guru lelaki di sebuah sekolah menengah di daerah ini ditahan semalam disyaki mencabul pelajar perempuan orang kurang upaya (OKU) intelektual berusia 16 tahun.

Kejadian dipercayai berlaku kira-kira jam 10.40 pagi pada 5 Mei lalu di bilik rawatan sekolah itu selepas mangsa sakit kaki sejurus tamat aktiviti rentas desa.

Ketua Polis Daerah Rembau, Superintendan Hasani Hussain berkata guru berusia 36 tahun dikatakan memaksa mangsa duduk, sebelum mengurut kaki, betis serta paha pelajar itu, selain menyentuh bahagian sensitif walaupun mangsa menolak.

"Mangsa kemudian memaklumkan kejadian itu kepada rakan sekelas sebelum membuat aduan kepada guru Pendidikan Khas pada 30 Jun lalu.

"Laporan polis dibuat jam 5.15 petang semalam sebelum suspek ditahan 10 malam hari sama di pekarangan Ibu Pejabat Daerah (IPD) Rembau," katanya.

Hasani berkata, ketika soal siasat awal, suspek menafikan melakukan perbuatan itu, namun kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Mangsa anak kedua daripada lima beradik dan tinggal di rumah perlindungan kanak-kanak sejak tahun lalu selepas menjadi mangsa seksual oleh individu dikenali.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pegawai polis ditahan disyaki terbabit kes rogol, minta suapan dan habuan seks

🕒 06 Julai 2025, 4:22pm



SUNGAI PETANI: Seorang pegawai polis berpangkat inspektor ditahan selepas disyaki terbabit kes rogol, selain meminta suapan serta habuan seks.

Pegawai dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Muda berusia 29 tahun yang masih bujang itu ditahan selepas dua laporan berasingan dibuat terhadapnya pada 3 dan 4 Julai lalu, termasuk satu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Hanyan Ramlan berkata, siasatan awal mendapati pegawai berkenaan menggunakan pengaruhnya sebagai pegawai penyiasat untuk mendapatkan perkhidmatan seksual daripada individu berkaitan siasatan.

"Saya mengesahkan kes ini masih dalam siasatan... dalam kes pelanggaran disiplin, kita sedang jalankan siasatan bersama SPRM.

"Suspek kini direman empat hari bagi membantu siasatan dan selepas ini akan diserahkan kepada SPRM untuk siasatan pihak terbabit," katanya di sini, hari ini.

Kes disiasat di bawah Seksyen 376(2)(f) Kanun Keseksaan.

Hanyan berkata, siasatan tertumpu dua kemungkinan sama ada pegawai itu menyalahgunakan kedudukan sebagai pegawai penyiasat untuk memaksa mangsa, atau adakah berlaku hubungan seksual yang tidak mendapat kerelaan.

"Kita syak pegawai berkenaan mungkin guna kuasa dan pengaruhnya untuk mendapatkan habuan seks daripada mangsa," katanya.